

Perang Perdagangan China-Amerika Ancaman atau Peluang




Foto: Penulis



Oleh
Dato' Dr. Nazri Khan,
NSTA CFTe
Naib Presiden dan
Ketua Penyelidikan
Runcit Affin Hwang
Investment Bank

PADA zaman moden ini, kita tidak perlu lagi berperang menggunakan senjata berat, kereta kebal atau bala tentera yang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah negara boleh ditawan tanpa sang lawan perlu menembak walau sebutir peluru.

Ada banyak bentuk peperangan zaman moden, termasuklah serangan siber dan perlumbaan dari segi kemajuan teknologi. Namun pada dasarnya, kesemua ini merupakan komponen kepada peperangan yang lebih utama, iaitu perang ekonomi. Hari ini, buat pertama kalinya semenjak dunia melangkah masuk ke kurun 21, kita dapat menyaksikan dengan jelas perang ekonomi di antara dua kuasa besar dunia, iaitu Amerika Syarikat (AS) di ufuk Barat dan China di ufuk Timur.

Sebelum ini AS dan China pernah bertegang urat tentang isu ekonomi seperti tuduhan AS semenjak bertahun-tahun lalu bahawa China sengaja menurunkan nilai yuan untuk menguasai pasaran eksport dunia. Namun, hal tersebut

selalunya lebih berbentuk retorik tanpa disusuli sebarang tindakan drastik.

Perbezaannya, pada kali ini Amerika mempunyai presiden yang lebih agresif daripada kebiasaannya dan mempunyai kecenderungan untuk melabelkan semua negara lain sebagai "musuh" dan menganggap konfrontasi sebagai bentuk penyelesaian terbaik.

Perang ekonomi mungkin merupakan istilah yang baharu dipopularkan, namun istilah tersebut bukan sesuatu yang asing. Jika kita singkap semula sejarah dunia, kesemua peperangan tradisional yang menggunakan askar dan senjata mempunyai satu matlamat penting, iaitu untuk memperluas jajahan dengan tujuan untuk mengeksploitasi sumber di tanah jajahan tersebut, sama ada dalam bentuk bahan mentah atau buruh.

Penjajah hanya mahu kekayaan mengalir masuk ke negara mereka. Kekayaan ini digunakan untuk memajukan dan mengukuhkan ekonomi mereka sehingga mereka mampu menguasai keseluruhan pasaran dunia.



Kita dapat saksikan perkara ini semasa zaman kegemilangan British yang mampu melebarkan sayap empayarnya ke seluruh pelusok dunia, termasuk Asia Tenggara melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris. Namun lama kelamaan, apabila konsep penghambaan dan penjajahan tidak lagi diterima oleh masyarakat dunia, lebih banyak negara mencapai kemerdekaan dan menguruskan sendiri ekonomi masing-masing.

Setiap negara mempunyai kelebihan kompetitif untuk menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan berdasarkan faktor geografi dan demografi, maka itu, lahir konsep perdagangan.

Perdagangan dianggap sebagai salah satu faktor yang mampu mengelakkan peperangan atau konflik politik antara dua negara. Dalam erti kata lain, pemimpin sesebuah negara berfikir dua kali sekiranya mahu menyerang negara lain, sama ada secara literal atau secara politik. Hal ini dikatakan demikian kerana bimbang perdagangan bakal terjejas.

Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya pengumuman Presiden AS, Donald Trump

bahawa negaranya akan mengenakan tarif kepada barangan dari China dianggap sebagai pengisytiharan perang oleh Beijing. Malah, Trump sendiri melabelkan tindakannya sebagai peperangan, dengan mengirimi mesej di akaun Twitter yang berbunyi "perang perdagangan merupakan sesuatu yang baik, dan mudah untuk dimenangi".

Perdagangan merupakan salah satu bentuk senjata utama dalam perang ekonomi yang telah bermula sejak ratusan tahun lalu. Apabila Trump menghunuskan senjata itu, tentu sekali kerajaan pimpinan Xi Jinping tidak hanya berpeluk tubuh. Mereka juga telah menegaskan bahawa, mereka bersedia untuk bertarung secara habis-habisan.

Selama ini, banyak penganalisis ekonomi dan pemerhati politik yakin AS dan China tidak akan mengancam kedudukan satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua negara itu saling memerlukan dari segi ekonomi. Pendapat itu tidak salah, tetapi hari ini, Trump telah menunjukkan bahawa beliau bersedia untuk mencetuskan amarah China demi memenuhi janji politiknya kepada rakyat Amerika.

Seminar Kerjasama
Ekonomi dan
Perdagangan
China - Amerika
Syarikat 2015.

ctf.no = 0000275466

ECO

ECO 2018 / A17

Dewan - Ekonomi (Mei 2018)

Economics - Globalization

pg 16-19.



Donald Trump dan Xi Jinping.

Apakah tahun 2018 akan terukir dalam sejarah dunia sebagai tahun pertarungan dua kuasa besar untuk mengekalkan keunggulan ekonomi masing-masing, seterusnya membawa dunia kembali ke zaman Perang Dingin?

Apa-apa pun yang berlaku antara AS dengan China, soalan yang lebih penting ialah, apakah kesan pertembungan antara dua ekonomi terbesar dunia ini kepada Malaysia? Adakah hal ini merupakan bentuk ancaman atau peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan ekonominya sendiri?

China merupakan pasaran eksport kedua terbesar Malaysia dengan nilai sebanyak RM126.2 bilion.

Banyak yang menjangkakan bahawa sebagai sebuah negara yang mempunyai hubungan perdagangan kukuh dengan AS dan juga China, Malaysia akan terjejas atau mungkin akan terjejas oleh akibat perang ekonomi ini.


Melihat akan statistik perdagangan Malaysia, China merupakan pasaran eksport kedua terbesar Malaysia dengan nilai sebanyak RM126.2 bilion atau 13.49 peratus daripada nilai keseluruhan eksport Malaysia pada tahun 2017, manakala AS pula merupakan pasaran

eksport ketiga terbesar dengan nilai RM88.7 bilion atau 9.48 peratus bagi tahun yang sama.

Sehingga kini, kita belum tahu senarai akhir produk dari China yang disasarkan untuk dikenakan tarif oleh AS, namun diramalkan akan melibatkan produk dalam sektor teknologi. Sekiranya eksport produk teknologi dari China ke AS berkurangan akibat tarif yang dikenakan, hal ini mungkin memberikan kesan langsung kepada Malaysia yang menjual barangan elektrik dan elektronik (E&E) kepada China.

Namun, kita perlu bersikap optimistik dan melihat peluang yang mendatang. Ekonomi Malaysia hanya akan terjejas sekiranya kita masih mengekalkan pendekatan sedia ada. Tiba masanya untuk Malaysia berfikir dengan kreatif dan menjadi lebih licik untuk melindungi kepentingan negara, dan bukannya hanya membiarkan nasib kita ditentukan oleh negara asing.

Sehingga kini, China merupakan destinasi pilihan oleh syarikat AS untuk menghasilkan pelbagai jenis produk kerana kos yang lebih rendah. Keadaan ini mungkin tidak akan bertahan lama. Gaji pekerja di China mencatatkan peningkatan ketara dari tahun 2011 hingga tahun 2017, iaitu sebanyak 64 peratus kepada \$3.60 sejam, iaitu lima kali lebih tinggi berbanding



di India. Selanjutnya, zaman China merupakan lokasi paling murah untuk menghasilkan produk sudah berlalu.

Kombinasi peningkatan kos di China serta ketidaktentuan hubungan politik antara Beijing dengan Washington boleh digunakan oleh Malaysia untuk menarik pelabur asing terutama dari AS yang ingin keluar dari China. Malaysia boleh dijenamakan sebagai negara "berkecuali" atau "stabil", iaitu sesuatu yang amat penting kepada pelabur.

Malaysia perlu menumpukan pada sektor pemasangan produk elektronik dan teknologi untuk mengambil sedikit sebanyak peluang pelaburan dalam sektor itu sebagai persediaan sekiranya perang perdagangan antara AS dengan China meletus.

Pada masa yang sama, Malaysia perlu berusaha mempromosikan minyak kelapa sawit dan barangan pertanian lain kepada Beijing. Hal ini dikatakan demikian kerana China dijangka mengurangkan pembelian minyak soya daripada AS sebagai membalas tindakan AS mengenakan tarif kepada produknya.

Hal ini hanya dua contoh daripada banyak lagi peluang yang boleh disambar oleh Malaysia dalam situasi ini. Kerajaan perlu menguasai seni

halus untuk mengimbangi perdagangan antara dua kuasa besar dunia ini bagi memastikan Malaysia mendapat manfaat paling maksimum daripada perang ekonomi ini.

Sekiranya perang perdagangan kali ini dapat dielakkan, penulis ini pasti syarikat AS akan lebih berhati-hati untuk melabur di China. Hal ini dikatakan demikian kerana China mempunyai presiden yang tidak dapat diduga.

Trump melihat ekonomi dalam bentuk hitam putih walaupun hakikatnya tidaklah semudah itu. Malaysia perlu cuba memahami logik yang diguna pakai Trump dan membentuk dasar perdagangan yang mampu disesuaikan dengan sebarang perubahan drastik yang diumumkan Amerika Syarikat.

Malaysia perlu merancang dari sekarang untuk mengelakkan kesan buruk kepada ekonomi kita dalam jangka masa panjang dan supaya kita tidak menjadi mangsa, seperti peribahasa Melayu, "Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah".

Industri pemasangan produk elektronik di China.

Kombinasi peningkatan kos di China serta ketidaktentuan hubungan politik antara Beijing dengan Washington boleh digunakan oleh Malaysia untuk menarik pelabur asing.